

## **BAB SATU**

### **PENGENALAN**

#### **1.1 Pendahuluan**

Pendidikan kewarganegaraan bukanlah satu topik yang baru dalam sejarah sistem pendidikan di negara kita. Pendidikan kewarganegaraan pernah diperkenalkan sebagai mata pelajaran Sivik pada satu masa dahulu (Robiah Sidin & Zahara Aziz, 1992). Mata pelajaran Sivik diperkenalkan di sekolah pada tahun 1954 berikutan dari cadangan Laporan Pelajaran Tahunan 1952. Ia diadakan sebagai satu cabang pengetahuan untuk memberi latihan kewarganegaraan kepada murid-murid sekolah. Langkah ini diambil oleh pihak British kerana merasakan perlu suatu *pengajaran formal* di kalangan pelajar dari berbilang keturunan. Selepas merdeka, Penyata Razak, 1956 juga telah memberi penekanan kepada kepentingan menyatukan kanak-kanak daripada semua bangsa melalui Bahasa Melayu sebagai bahasa penghantar yang digunakan di sekolah (Sufean Hussin, 1996).

Dasar Pendidikan Kebangsaan telah menggariskan keperluan diadakan mata pelajaran Sivik di setiap sekolah dengan harapan ianya akan dapat melahirkan warganegara yang mencintai negara kita. Berpegang kepada persetujuan yang telah dibuat dalam Jawatankuasa Kabinet, 1979 mata pelajaran Sivik diajar sebagai satu mata pelajaran yang berasingan dibantu oleh mata pelajaran Bahasa Melayu, Sejarah, Geografi

dan Pendidikan Islam. Berbekalkan pengetahuan dan kemahiran yang diberikan kepada murid-murid diharapkan pengajaran Sivik dapat menjalankan tanggung jawabnya untuk membina warganegara ideal (Robiah Sidin & Zahara Aziz, 1992).

Namun demikian, pengajaran dan pembelajaran mata pelajaran sivik tidak mencapai tahap yang memuaskan. Walaupun sukatan mata pelajaran sivik telah diperbaharui melalui satu kajian yang dijalankan oleh Kementerian Pendidikan pada tahun 1978, namun ia tetap tidak membawa kesan-kesan yang positif. Kegagalan mata pelajaran Sivik di sekolah adalah disebabkan oleh beberapa faktor, antaranya ialah terdapat jurang antara perancangan dasar dan pelaksanaan mata pelajaran ini di sekolah, kurang kemahiran di kalangan guru-guru dalam cara-cara melaksanakan pengajaran mata pelajaran Sivik, pendekatan pengajaran yang tidak sesuai untuk mencapai matlamat pengajaran mata pelajaran Sivik serta kekurangan bahan-bahan pengajaran dan pembelajaran dan tidak tergolongnya mata pelajaran ini sebagai mata pelajaran peperiksaan (Robiah Sidin & Zahara Aziz, 1992).

Akhirnya, mata pelajaran Sivik dimansuhkan kerana kegagalan pelaksanaannya di peringkat sekolah. Walau bagaimanapun, pendidikan kewarganegaraan tidak diabaikan terus. Pihak perancang kurikulum telah mengambil keputusan untuk menerapkan nilai-nilai kewarganegaraan dalam mata pelajaran lain di sekolah (Kementerian Pendidikan Malaysia, 1990). Dalam Kurikulum Baru Sekolah Menengah, mata pelajaran Sejarah ialah salah satu mata pelajaran yang diberi tugas untuk menerapkan unsur-unsur kewarganegaraan (Pusat Perkembangan Kurikulum, 1990).

Sebelum dibincangkan dengan lebih lanjut, perlu terlebih dahulu diterangkan apakah yang dimaksudkan dengan istilah 'pendidikan kewarganegaraan'. Secara ringkasnya, pendidikan kewarganegaraan adalah tentang kemahiran sosial. Ia juga berkait rapat dengan literasi sosial dan adakalanya dikenali sebagai pendidikan nilai atau pendidikan moral (Mc Laughlin, 1992). Pendidikan kewarganegaraan juga disamakan dengan pendidikan sivik yang bertujuan memberi sosialisasi politik kepada pelajar (Steutal & Spiecker, 2000). Dari perspektif ini, pendidikan kewarganegaraan mengutamakan pengetahuan tentang sejarah negara, sistem kerajaan dan prinsip asas perlembagaan, prosedur kerajaan dan hal-hal perundangan (Nazaruddin, Maarof, Asnarulkhadi & Ismail, 2003).

Pendidikan kewarganegaraan mempunyai beberapa tujuan dan objektif yang perlu dicapai. Salah satu tujuannya ialah untuk memberi pengetahuan dan pembelajaran sains sosial (Kalantiz & Cope, 1983). Sains sosial meliputi pengetahuan tentang masyarakat tempatan, memahami bagaimana masyarakat itu berfungsi, pembelajaran untuk menjadi lebih bertanggung jawab dan memiliki sikap sosial yang betul (Pring, 1975).

Di samping memupuk tanggung jawab sosial pelajar, pendidikan kewarganegaraan juga meningkatkan penglibatan pelajar dalam kegiatan komuniti dan masyarakat. Ia juga bertujuan memupuk perhubungan yang efektif dengan komuniti, meningkatkan pengetahuan dan pemahaman tentang masyarakat, menghormati hak individu lain, memberi sumbangan kearah kebaikan umum dan berdikari serta mempunyai self esteem yang tinggi (NCC, 1990).

Pendidikan kewarganegaraan boleh ditafsirkan dari perspektif yang lebih luas. Ia bertujuan melahirkan warganegara yang boleh memainkan peranan sebagai warga global yang aktif dan bertanggung jawab serta berkongsi nilai-nilai demokratik masyarakat majmuk.

Terdapat dua versi pendidikan kewarganegaraan yang bertujuan menghasilkan dua versi kewarganegaraan. Pertamanya ialah versi pendidikan kewarganegaraan minimal yang menekankan pengetahuan asas tentang hal-hal perundangan, sistem kerajaan, prinsip asas perlembagaan, prosedur kerajaan serta hak dan obligasi individu (Evans, 1995). Versi pendidikan kewarganegaraan minimal bertujuan melahirkan individu yang memiliki pemahaman dan perilaku yang membolehkannya menjadi anggota masyarakat dan negara. Versi pendidikan kewarganegaraan minimal menghasilkan versi kewarganegaraan pasif iaitu *passive or functional citizenship* (Arthur, Davison & Stow, 2000).

Keduanya ialah versi pendidikan kewarganegaraan maximal yang menekankan perkembangan kemahiran berfikir secara kritis, reflektif dan bebas tentang isu-isu sosial. Versi pendidikan kewarganegaraan maximal bertujuan melahirkan individu yang boleh mengambil bahagian secara aktif dalam hal-hal berkaitan sosial dan politik (Evans, 1995). Versi pendidikan kewarganegaraan maximal menghasilkan versi kewarganegaraan aktif atau berkuasa iaitu *active or powerful citizenship* (Arthur, Davison & Stow, 2000).

## 1.2 Pernyataan Masalah

Pelajar sekolah merupakan generasi muda yang akan menjadi pemimpin negara pada masa yang akan datang. Maka adalah penting, generasi ini dilengkapi dengan pengetahuan kenegaraan. Menurut Chiam (NST Mac 2004), pelajar sekolah perlu disedarkan tentang hak mereka sebagai individu dalam masyarakat. Lantaran itu, menurutnya lagi, pendidikan sivik dan pendidikan kewarganegaraan akan diperkenalkan di sekolah, bagi pelajar Darjah 4 dan Tingkatan 1 bermula tahun 2005.

Abu Bakar Nordin & Ikhsan (2003), berpendapat bahawa perancangan kurikulum abad ke 21 harus bersifat futuristik, fleksibal dan dinamik supaya dapat menentukan corak masyarakat dan profil sesuatu bangsa di masa yang akan datang. Ini menjelaskan lagi kepentingan pendidikan kewarganegaraan sebagai salah satu komponen penting dalam kurikulum.

Mengikut pendapat beberapa sarjana, terdapat keraguan terhadap keberkesanan penerapan nilai-nilai kewarganegaraan melalui pelbagai mata pelajaran di sekolah. Kerr (1996) mendapati istilah kewarganegaraan tidak begitu bermakna kepada rakyat Britian kerana tidak ada mata pelajaran yang berasingan tentang kewarganegaraan dalam kurikulum sekolah. Pendapat ini disokong oleh Fogelman (1991) dan Saunders *et al.* (1995) yang juga berpendapat tanpa pengiktirafan dari pihak perancang kurikulum, objektif pendidikan kewarganegaraan tidak tercapai apabila ianya cuba diterapkan melalui pelbagai mata pelajaran di sekolah.

Mohd Idris Salleh (1999), berpendapat bahawa salah satu syarat pembinaan negara bangsa ialah keyakinan sepenuhnya semua penduduk di sebuah negara terhadap system pemerintahan dan perundangan negara tersebut. Pendidikan kewarganegaraan dapat membekalkan pelajar dengan pengetahuan kenegaraan yang penting dimiliki oleh setiap warganegara.

Syed Ahmad (NST Mac 2004) menyatakan bahawa kesedaran dan penglibatan generasi muda perlu dipertingkatkan dalam bidang politik, ekonomi dan sosial. Mereka harus didedahkan dengan isu-isu kemasyarakatan serta dilatih memperkembangkan kebolehan mereka untuk mencari penyelesaian alternatif dengan bantuan pihak berkuasa dan pembuat dasar. Cadangan yang diberikan oleh Syed Ahmad, memerlukan pelajar didedahkan dengan pendidikan kewarganegaraan berbentuk maximal.

Menurut Abdul Rahim Abdul Rashid (2003), pengajaran mata pelajaran Sejarah di sekolah dan institut pengajian tinggi adalah bertujuan membentuk warganegara yang patriotik. Pendapat ini disokong oleh Khoo Kay Kim (2002) yang menyatakan pelbagai ancaman baru dihadapi oleh negara memerlukan nilai-nilai kewarganegaraan dan patriotisme dipupuk melalui pendidikan Sejarah berasaskan konsep *nationhood* dan kesetiaan kepada negara. Menurut beliau lagi seorang yang mempelajari sejarah negara tidak semestinya secara automatik menjadi warganegara yang setia. Justeru itu, kajian ini melihat perspektif pelajar tentang pendidikan kewarganegaraan di sekolah khususnya yang berkaitan dengan nilai-nilai kewarganegaraan dan kepentingannya di sekolah.

Secara ringkasnya, pendapat pelbagai sarjana di atas menunjukkan kepentingan peranan yang dimainkan oleh pendidikan kewarganegaraan dalam melahirkan warganegara yang dapat memainkan peranan yang lebih berkesan sebagai ahli masyarakat. Kajian ini memberi tumpuan untuk mengetahui kebolehan pelajar dalam mengenalpasti nilai-nilai kewarganegaraan, melihat kesedaran pelajar tentang kehadiran nilai-nilai kewarganegaraan dalam lima mata pelajaran teras yang diajar di sekolah, persepsi pelajar tentang keperluan mata pelajaran yang berasingan untuk mengenali dan memahami nilai-nilai kewarganegaraan dan persepsi pelajar tentang versi pendidikan kewarganegaraan yang sesuai untuk diajar di sekolah.

### **1.3 Objektif Kajian**

Tujuan kajian ini dijalankan adalah untuk mencapai beberapa objektif. Objektif-objektif tersebut dinyatakan seperti berikut:

- i. Mendapatkan maklumat tentang kebolehan pelajar untuk mengenalpasti nilai-nilai kewarganegaraan.
- ii. Melihat kesedaran pelajar tentang kehadiran nilai-nilai kewarganegaraan dalam mata pelajaran yang diajar di sekolah.
- iii. Mendapatkan persepsi pelajar tentang keperluan mata pelajaran yang berasingan untuk mengenali dan memahami nilai-nilai kewarganegaraan.
- iv. Mengetahui versi pendidikan kewarganegaraan yang sesuai untuk diajar di sekolah daripada persepsi pelajar.

#### **1.4 Soalan Kajian**

Bagi mencapai tujuan kajian, empat soalan kajian telah dibentuk. Soalan-soalan kajian tersebut adalah seperti berikut:

- i. Adakah pelajar dapat mengenalpasti nilai-nilai kewarganegaraan?
- ii. Adakah pelajar menyedari kehadiran nilai-nilai kewarganegaraan dalam lima mata pelajaran teras yang diajar di sekolah?
- iii. Apakah persepsi pelajar tentang keperluan mata pelajaran yang berasingan untuk mengenali dan memahami nilai-nilai kewarganegaraan?
- iv. Apakah persepsi pelajar tentang versi pendidikan kewarganegaraan yang sesuai untuk diajar di sekolah?

#### **1.5 Rasional Kajian**

Kajian ini bertujuan melihat kebolehan pelajar dalam mengenalpasti nilai-nilai kewarganegaraan, melihat kesedaran pelajar tentang kehadiran nilai-nilai kewarganegaraan dalam lima mata pelajaran teras yang diajar di sekolah, persepsi pelajar tentang keperluan mata pelajaran yang berasingan untuk mengenali dan memahami nilai-nilai kewarganegaraan dan persepsi pelajar tentang versi pendidikan kewarganegaraan yang sesuai untuk diajar di sekolah. Oleh yang demikian, pelajar sekolah menengah dari Tingkatan Empat dipilih sebagai responden kerana mereka telah mendapat pelbagai



pendidikan mengenai nilai-nilai kewarganegaraan yang diterapkan melalui pendidikan kewarganegaraan merentas kurikulum.

Kajian ini memberi tumpuan kepada kebolehan pelajar untuk mengenalpasti nilai-nilai kewarganegaraan serta kesedaran mereka tentang kehadirannya dalam pelbagai mata pelajaran di sekolah. Selain itu, ia juga memberikan peluang kepada pelajar untuk memberikan pendapat mereka sama ada perlu atau tidak mata pelajaran yang berasingan untuk mengenali dan memahami nilai-nilai kewarganegaraan. Secara tak langsung, kajian ini memberi kesedaran kepada pelajar tentang kepentingan pengetahuan tentang nilai-nilai kewarganegaraan. Pelajar juga diberi peluang untuk memberikan pendapat mereka tentang topik-topik pendidikan kewarganegaraan yang sesuai diajar di sekolah. Rumusan daripada respon pelajar tentang topik-topik pendidikan kewarganegaraan ini akan memberikan maklumat tentang versi pendidikan kewarganegaraan yang sesuai diajar di sekolah mengikut persepsi pelajar.

Dapatan kajian ini membolehkan semua pihak menilai keberkesanan penerapan nilai-nilai kewarganegaraan melalui pendidikan kewarganegaraan merentas kurikulum. Maklumat ini akan membantu pelajar dan guru-guru untuk melihat kepentingan pendidikan kewarganegaraan bagi melahirkan warganegara yang baik. Selain itu, guru-guru dapat merancang strategi pengajaran mereka supaya lebih memberi penekanan kepada nilai-nilai kewarganegaraan.

## **1.6 Kepentingan Kajian**

Adalah penting kajian ini dijalankan kerana ia dapat:

- i. M
- ii. menjelaskan kebolehan pelajar untuk mengenalpasti nilai-nilai kewarganegaraan.
- iii. Menyumbang ke arah pemahaman tentang realiti pengetahuan nilai-nilai kewarganegaraan di kalangan pelajar sekolah menengah khususnya pelajar Tingkatan Empat.
- iv. Maklumat yang diperolehi boleh dijadikan panduan dalam menentukan keberkesanan penerapan nilai-nilai kewarganegaraan dalam pelbagai mata pelajaran di sekolah.
- v. Membantu pihak perancang kurikulum dalam pemilihan topik-topik pendidikan kewarganegaraan yang sesuai untuk diajar di sekolah.
- vi. Memberi peluang penyelidikan yang lebih bermakna dan berkesan pada masa yang akan datang.

## **1.7 Batasan Kajian**

Kajian mengenai kepentingan pendidikan kewarganegaraan ini mempunyai beberapa batasan (had) tertentu. Antaranya ialah kajian ini terhad kepada kebolehan mengenal pasti nilai-nilai kewarganegaraan yang diberikan secara terus atau tersurat

*(direct)*. Pelajar tidak diminta mengenal pasti nilai-nilai kewarganegaraan yang terdapat dalam teks secara tersirat. Fokus kajian ini adalah tentang nilai-nilai kewarganegaraan yang tersenarai dalam Sukatan Pelajaran Sejarah KBSM.

Kajian ini memberi tumpuan kepada penerapan nilai-nilai kewarganegaraan secara merentas kurikulum. Namun demikian, ia hanya melibatkan lima mata pelajaran teras iaitu mata pelajaran Bahasa Melayu, Bahasa Inggeris, Sejarah, Matematik dan Pendidikan Islam.

Tumpuan mengenai pendidikan kewarganegaraan hanya dilihat dari persepsi pelajar sahaja. Kajian ini tidak melibatkan persepsi guru dalam memberikan pendapat masing-masing mengenai pendidikan kewarganegaraan dalam kurikulum sekolah. Selain itu, kajian ini terhad kepada pelajar sekolah sahaja dan tidak meliputi pelajar di pusat pengajian tinggi.

Seramai 150 orang pelajar yang terdiri daripada pelajar lelaki dan perempuan dari Tingkatan Empat sahaja yang terlibat sebagai responden dalam kajian ini. Kesemua responden adalah dari sebuah sekolah sahaja di daerah Gombak. Walau bagaimanapun, responden dipilih dalam jumlah yang sama iaitu seramai 75 orang daripada jurusan Sains dan seramai 75 orang daripada jurusan Sastera.

## **1.8 Definisi Istilah**

### *1.8.1 Nilai-nilai Kewarganegaraan*

Nilai-nilai kewarganegaraan yang dimaksudkan ialah nilai-nilai kewarganegaraan yang tersenarai dalam Sukatan Pelajaran Sejarah KBSM.

### *1.8.2 Kurikulum*

Kurikulum yang dimaksudkan dalam kajian ini ialah Kurikulum Baru Sekolah Menengah.

### *1.8.3 Persepsi*

Persepsi dimaksudkan sebagai pendapat atau pandangan pelajar.

### *1.8.4 Mata pelajaran teras*

Mata pelajaran teras adalah subjek wajib yang harus diambil oleh setiap pelajar dan ia bukan subjek pilihan.

### *1.8.5 Aspek merentas kurikulum*

Merentas kurikulum dimaksudkan sebagai metod pengajaran dan pembelajaran nilai-nilai kewarganegaraan yang tersenarai dalam Sukatan Pelajaran Sejarah KBSM. Metod ini ialah penerapan nilai-nilai kewarganegaraan melalui pelbagai mata pelajaran yang diajar di sekolah. Nilai-nilai ini tidak terhad kepada satu subjek sahaja tetapi terdapat dalam pelbagai subjek.

## 1.9 Kesimpulan

*Pengetahuan pelajar tentang nilai-nilai kewarganegaraan bergantung kepada pembelajaran dan pengetahuan. Hirsch & Ross (2000), berpendapat pendidikan membekalkan pelajar bukan sekadar pengetahuan sahaja, tetapi juga nilai dan kemahiran. Nilai dan kemahiran ini penting untuk mereka aplikasikan dalam bidang kerjaya dan dalam peranan mereka sebagai warganegara. Oleh yang demikian, bidang pendidikan memainkan peranan yang penting dalam melahirkan warganegara yang menyedari kepentingan memiliki pengetahuan tentang nilai-nilai kewarganegaraan.*